

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

**JUDUL : TAHAP PENGETAHUAN MEMBINA ITEM ANEKA PILIHAN DALAM
KALANGAN GURU PELATIH TEKNIK DAN KEJURUTERAAN (PTK),
FAKULTI PENDIDIKAN, UTM,SKUDAI**

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya **SITI NURFARIZA BINTI MOHD SAID**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

**NO.16 JALAN BATAI 3,
TAMAN SRI PULAI,
81300,SKUDAI,
JOHOR**

PM. DR. BAHARIN BIN ABU
NAMA PENYELIA

Tarikh : **4 APRIL 2008**

Tarikh : **4 APRIL 2008**

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)”.

Tandatangan :

Nama Penyelia : **PM. DR. BAHARIN BIN ABU**

Tarikh : **4 APRIL 2008**

TAHAP PENGETAHUAN MEMBINA ITEM ANEKA PILIHAN DALAM
KALANGAN GURU PELATIH TEKNIK DAN KEJURUTERAAN (PTK),
FAKULTI PENDIDIKAN, UTM, SKUDAI

SITI NURFARIZA BINTI MOHD SAID

Laporan Projek Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kejuruteraan Elektrik)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2008

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :

Nama Penulis : **SITI NURFARIZA BINTI MOHD SAID**

Tarikh : **4 APRIL 2008**

DEDIKASI

Ditujukan istimewa buat :

Ayahanda dan Bonda

Mohd Said Bin Roslan dan Ruhanah Binti Mohd Som

Terima kasih atas kasih sayang dan doa kalian

Ahli Keluarga

Dorongan kalian sentiasa meniup semangatku

Penyelia Yang Dihormati

Bimbingan, teguran, tunjuk ajar dan jasamu tidak akan dilupai

Teman-teman Seperjuangan

Kejujuran dan Keikhlasan dalam persahabatan akan ku

kenang selamanya

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi Selawat dan Salam Ke Atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Ilahi kerana limpah dan kurnia Nya kajian ini dapat disiapkan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan tunjuk ajar, bantuan dan kerjasama.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada penyelia, PM. Dr. Baharin Bin Abu atas bimbingan, perbincangan dan teguran yang diberikan tanpa rasa jemu dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa kepada semua pensyarah Universiti Teknologi Malaysia khususnya pensyarah di Fakulti Pendidikan yang telah banyak memberi sumber-sumber dan tunjuk ajar dalam menghasilkan kajian ini.

Akhir sekali kepada keluarga tersayang dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan semangat. Pengorbanan dan kerjasama kalian amat dihargai.

ABSTRAK

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan bertujuan mengenalpasti tahap pengetahuan membina item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih teknik dan kejuruteraan (PTK), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Empat objektif kajian ini adalah mengukur tahap pengetahuan mengenai (1) soalan objektif bentuk item aneka pilihan, (2) sifat-sifat ujian (kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan), (3) penggunaan aras kognitif Taksonomi Bloom dan Jadual Penentu Ujian (JPU) dan (4) langkah-langkah dalam membina item aneka pilihan. Seramai 71 orang guru pelatih dengan 25 orang lelaki dan 46 orang perempuan telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik dan skala 4 (empat) mata telah digunakan bagi mengukur maklum balas responden. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian adalah 0.96. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 12.0 For Windows untuk mendapatkan kekerapan, peratus, sisihan piawai dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan membina item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih adalah pada tahap sederhana. Kajian ini juga memberikan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan pengetahuan guru pelatih dalam pengetahuan membina item aneka pilihan

ABSTRACT

The purpose of this descriptive research is to identify the level of knowledge in constructing multiple choices item among the technical and engineering trainee teachers at the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. The four objectives of the research were to measure the level of knowledge which are related to (1) the objective question on multiple choices item, (2) the characteristics of the test (validity, reliability, and objectivity), (3) the usage of Bloom's Taxonomy cognitive level and JPU and (4) the steps in constructing multiple choices item. The numbers of 71 trainee teachers had been chosen which is 25 male and 46 female. Questionnaire using 4 (four) point scale was used in the research to indicate the responses from the respondents. The reliability value for the research instrument is 0.96. The collected data were analyzed using the SPSS software (Statistical Package for Social Science) version 12.0 For Windows to obtain the frequency, percentage, standard deviation and mean of the data. The finding showed that the level of knowledge in constructing multiple choices item among trainee teachers is in medium level. The study also provides some suggestion to improve their knowledge on constructing multiple choice items.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | HALAMAN |
|------------|------------------------|----------------|
| | JUDUL | i |
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xii |
| | SENARAI SINGKATAN | xiv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xv |
| 1 | PENDAHULUAN | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang | 2 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 3 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 4 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 5 |

| | | |
|-------|--------------------------|---|
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 5 |
| 1.6.1 | Pihak Fakulti | 5 |
| 1.6.2 | Bakal Guru | 6 |
| 1.6.3 | Penyelidik Sendiri | 6 |
| 1.6.4 | Rujukan Bidang | 6 |
| 1.7 | Skop dan Batasan Kajian | 6 |
| 1.8 | Operasional Pembolehubah | 7 |
| 1.8.1 | Tahap Pengetahuan | 7 |
| 1.8.2 | Membina item | 7 |
| 1.9 | Penutup | 8 |

2

SOROTAN PENULISAN

| | | |
|-------|-------------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan | 9 |
| 2.2 | Soalan Objektif Bentuk Item Aneka Pilihan | 9 |
| 2.2.1 | Terminologi Dalam Item Aneka Pilihan | 12 |
| 2.3 | Sifat-sifat Ujian | 14 |
| 2.3.1 | Kesahan | 14 |
| 2.3.2 | Kebolehpercayaan | 17 |
| 2.3.3 | Keobjektifan | 19 |
| 2.4 | Penentuan Aras Kognitif Taksonomi Bloom | 19 |
| 2.4.1 | Aras Pengetahuan | 20 |
| 2.4.2 | Aras Kefahaman | 21 |
| 2.4.3 | Aras Aplikasi | 22 |
| 2.4.4 | Aras Analisis | 23 |
| 2.4.5 | Aras Sintesis | 24 |
| 2.4.6 | Aras Penilaian | 25 |

| | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.5 | Jadual Penentu Ujian, JPU | 26 |
| 2.5.1 | Kepentingan JPU | 26 |
| 2.5.2 | Prosedur/Langkah Penyediaan JPU | 27 |
| 2.6 | Langkah-langkah Dalam Membina Item Aneka Pilihan | 29 |
| 2.7 | Kajian-kajian Lepas Berkaitan Penguasaan dan Penyelidikan Membina Item | 32 |
| 2.8 | Penutup | 33 |

3 METADOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|----------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 34 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 34 |
| 3.3 | Tempat Kajian | 35 |
| 3.4 | Responden Kajian | 35 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 36 |
| 3.5.1 | Pembinaan Item Soalan | 37 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 39 |
| 3.6.1 | Kesahan Item | 40 |
| 3.6.2 | Kebolehpercayaan Item | 42 |
| 3.7 | Prosedur Kajian | 43 |
| 3.8 | Kaedah Menganalisis Kajian | 43 |
| 3.9 | Penutup | 46 |

4

DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 47 |
| 4.2 | Dapatan Kajian Maklumat Latar Belakang Responden | 47 |
| 4.2.1 | Jantina Responden | 48 |
| 4.2.2 | Kursus Responden | 48 |
| 4.2.3 | Gred Keputusan Mata pelajaran Pengukuran dan Penilaian (SPE 2063) | 49 |
| 4.3 | Dapatan Kajian : Tahap Pengetahuan Membina Item Aneka Pilihan | 50 |
| 4.3.1 | Tahap Pengetahuan Soalan Objektif Bentuk Item Aneka Pilihan | 50 |
| 4.3.2 | Tahap Pengetahuan Mengenai Sifat-sifat Ujian | 53 |
| 4.3.3 | Tahap Pengetahuan Penggunaan Aras Kognitif Taksonomi Bloom dan Jadual Penentu Ujian, JPU | 58 |
| 4.3.4 | Tahap Pengetahuan Langkah-langkah Membina Item Aneka Pilihan | 62 |
| 4.4 | Analisis Keseluruhan Tahap Pengetahuan Membina Item Aneka Pilihan | 65 |
| 4.5 | Penutup | 67 |

| | | |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 5 | RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 68 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | 68 |
| 5.3 | Perbincangan Kajian | 72 |
| 5.3.1 | Tahap Pengetahuan Mengenai Soalan Objektif Bentuk Item Aneka Pilihan | 73 |
| 5.3.2 | Tahap Pengetahuan Mengenai Sifat-sifat Ujian | 75 |
| 5.3.3 | Tahap Pengetahuan Berkenaan Penggunaan Aras Kognitif Taksonomi Bloom dan Penggunaan Jadual Penentu Ujian, JPU | 77 |
| 5.3.4 | Tahap Pengetahuan Mengenai Langkah-langkah Membina Item Aneka Pilihan | 80 |
| 5.4 | Cadangan | 81 |
| 5.4.1 | Pihak Fakulti | 81 |
| 5.4.2 | Tenaga Pengajar (Pensyarah) | 82 |
| 5.4.3 | Guru Pelatih | 82 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 83 |
| 5.6 | Penutup | 84 |
| | | |
| 6 | RUJUKAN | 84 |
| | | |
| 7 | LAMPIRAN | 88 |

SENARAI JADUAL

| NO JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 2.1 | Contoh Pengkelasan Item Berdasarkan Taksonomi Bloom | 28 |
| 3.1 | Bilangan Pelajar Perdana Tahun Akhir Mengikut Kursus | 36 |
| 3.2 | Pembahagian Item Bahagian A Berkaitan Maklumat Latar Belakang Responden | 38 |
| 3.3 | Taburan Item Mengikut Konstruk | 38 |
| 3.4 | Skala empat Mata | 39 |
| 3.5 | Pengkelasan Kesesuaian Tahap berdasarkan Analisis Markat Min | 39 |
| 3.6 | Kaedah Statistik Yang Digunakan Bagi Bahagian A | 44 |
| 3.7 | Kaedah Statistik Yang Digunakan Bagi Bahagian B | 44 |
| 3.8 | Pengkelasan Analisis Skala Empat Mata | 46 |
| 4.1 | Analisis Responden Mengikut Jantina | 48 |
| 4.2 | Analisis Responden Mengikut Kursus | 48 |
| 4.3 | Analisis Responden Mengikut Keputusan Mata Pelajaran Pengukuran dan Penilaian (SPE 2062) | 49 |

| | | |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.4 | Skala Empat Mata | 50 |
| 4.5 | Analisis Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mengenai Soal-an objektif Aneka Pilihan | 51 |
| 4.6 | Analisis Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mengenai Sifat-Sifat Ujian | 54 |
| 4.7 | Analisis Tahap Pengetahuan Berkenaan Penggunaan Aras Kognitif Taksinomi Bloom dan Jadual Penentu Ujian, JPU | 59 |
| 4.8 | Analisis Tahap Pengetahuan Mengenai Langkah-langkah Membina Item Aneka Pilihan | 63 |
| 4.9 | Analisis Keseluruhan Tahap Pengetahuan Membina Item Aneka Pilihan | 66 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|------|---|---------------------------------------------------------------------------|
| UPSR | - | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |
| PMR | - | Penilaian Menengah Rendah |
| SPM | - | Sijil Pelajaran Malaysia |
| LPM | - | Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| PPK | - | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| JPU | - | Jadual Penentu Ujian |
| PTK | - | Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| KPM | - | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| SPA | - | Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam) |
| SPE | - | Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) |
| SPJ | - | Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera) |
| STS | - | Sangat Tidak Setuju |
| TS | - | Tidak Setuju |

| | | |
|------|---|-----------------------------------------------|
| S | - | Setuju |
| SS | - | Sangat Setuju |
| SPSS | - | <i>Statistical Package For Social Science</i> |
| f | - | Kekerapan |
| % | - | Peratus |
| NO | - | Nombor |
| SP | - | Sisihan Piawai |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | HALAMAN |
|-----------------|---------------------------------------|----------------|
| A | Set Soal Selidik | 90 |
| B | Surat Pengesahan Item Soal Selidik 1 | 98 |
| C | Surat Pengesahan Item Soal Selidik 2 | 99 |
| D | Surat Permohonan Menjalani PSM | 100 |
| E | Surat Permohonan Mendapatkan Maklumat | 101 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Ahli-ahli sains sosial mentakrifkan guru sebagai pendidik, pengajar, pengasuh dan pembimbing yang bertanggungjawab menyebarkan ilmu pengetahuan, mencorak tingkahlaku dan menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar. Individu yang melibatkan diri secara formal atau tidak formal bagi menyampaikan ilmu pengetahuan atau kepandaian kepada seseorang atau kelompok individu juga digelar sebagai guru (Atan Long, 1984). Tugas penting guru dalam bilik darjah formal adalah melaksanakan proses pengajaran bagi membolehkan pembelajaran berlaku dan mencorakkan tingkah laku.

Bagi mengukur proses dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, ujian dan peperiksaan dilakukan. Lembaga Peperiksaan Malaysia, LPM (2001) menyatakan peperiksaan merupakan satu aktiviti untuk menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Hussein Haji Ahmad, 1993). Ismail Ali (1985) pula menyatakan ujian adalah cara terbaik dalam penilaian prestasi pelajar. Ini turut disokong oleh Abdullah Nordin (1989) yang menyatakan bahawa cara utama untuk mengetahui sama ada pembelajaran telah berlaku dalam bilik darjah ialah menggunakan ujian dan penilaian.

Menurut Ee Ah Meng (1993), ujian adalah penting untuk menilai kemajuan belajar pelajar dan kejayaan pengajaran guru disamping mengesan kebolehan dan kelemahan pelajar. Baik buruknya keputusan yang dicapai oleh pelajar dalam

sesuatu ujian atau peperiksaan sebenarnya menggambarkan pencapaian pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian pelajar sebenarnya boleh dijadikan sebagai satu gambaran untuk mengetahui sama ada pengajaran kurikulum mata pelajaran berkesan ataupun tidak.

Seorang guru yang berkualiti selain mampu menyampaikan pengajaran di dalam kelas dengan berkesan, guru juga harus mampu menyediakan soalan ujian yang baik bagi mengukur pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Maka dengan itu pengetahuan serta kemahiran membina soalan amat penting bagi seseorang guru.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pembinaan ujian bukanlah suatu yang boleh dianggap mudah. Ia memerlukan satu perancangan yang teliti supaya ujian yang dibina mencapai tujuannya iaitu mengukur proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Abd. Rami Abdullah, 1991). Kualiti sesuatu ujian dipengaruhi oleh mutu setiap item yang terkandung di dalamnya. Ini bermakna satu daripada cara untuk mempertingkatkan mutu sesuatu ujian ialah dengan cara mempertingkatkan mutu item-itemnya.

Dalam pendidikan, peperiksaan dianggap mekanisma utama dalam mengukur perubahan tingkah laku pelajar terutama dalam sistem berlandaskan “exam oriented”. Pusat Perkembangan Kurikulum, PPK (2001) menyatakan kualiti soalan yang dikemukakan oleh guru merupakan faktor penting bagi perkembangan intelek pelajar.

Guru perlu memastikan setiap item soalan yang dibina diteliti agar soalan adalah berkualiti dan relevan dengan objektif sukatan pelajaran (Abu Bakar Nordin, 1986). Kekurangan pengetahuan dan kepakaran guru terhadap teknik serta metodologi pembentukan ujian dan penggunaan JPU amat ketara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986) dan masih terdapat guru yang tidak memahami dan mengikuti prosedur membuat item soalan yang baik. Malah ada diantara guru yang

mengambil jalan mudah dengan menggunakan item soalan yang berada dipasaran tanpa memikirkan kesannya kepada pelajar (Abd. Rami Abdullah, 1991).

Bagi guru pelatih yang mengikuti program persediaan perguruan, mereka disyaratkan mengambil mata pelajaran Pengukuran dan Penilaian. Kandungan mata pelajarannya membincangkan mengenai konsep, tujuan, jenis ujian, ciri ujian yang baik terutamanya kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan, skim permarkahan, JPU serta langkah-langkah pembinaan dan pentadbiran ujian (Sukatan Pelajaran Ilmu Pendidikan, Julai 1997). Untuk memastikan ujian yang dibina itu mencapai objektif yang dikehendaki, maka item yang dibina perlulah menepati setiap kriteria yang telah ditetapkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kursus persediaan perguruan dirangka bertujuan untuk meningkatkan kualiti bakal guru dan memberi pendedahan terhadap peranan serta tugas guru. Antara tugas dan tanggungjawab seorang guru selain mengajar adalah membina soalan bagi mengukur proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku. Soalan ujian atau peperiksaan yang dibina terbahagi kepada dua bentuk iaitu menggunakan bentuk soalan objektif (item aneka pilihan) dan struktur (esei). Menurut Mohamad Fauzi Yunus (1996) soalan objektif dipanggil objektif kerana cara pemeriksaannya adalah objektif malahan kerja-kerja semakan dan pemberian markah juga mudah dilaksanakan. Maka, guru pelatih juga tidak terkecuali dari tanggungjawab membina soalan ujian atau peperiksaan terutamanya ketika menjalani latihan mengajar.

Kesediaan dan kemahiran guru pelatih menyediakan dan membina soalan perlu dikaji supaya mereka dapat dibantu khususnya bagi guru pelatih yang berada di tahun akhir pengajian. Seharusnya, guru pelatih khususnya yang berada pada tahun akhir pengajian telah menguasai sepenuhnya pengetahuan dalam membina item. Ini berikutan guru pelatih ini telah diajar dengan mata pelajaran Pengukuran dan Penilaian yang mana silibusnya mendedahkan guru pelatih kepada kemahiran serta teknik yang betul dalam membina item. Malah, guru pelatih ini juga telah menjalani

latihan mengajar yang mana pengetahuan dan kemahiran dalam membina item telah dipraktikkan sewaktu menjalani latihan mengajar. Selain itu juga, penguasaan pengetahuan dalam membina item khususnya item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih dapat menjamin kualiti guru yang berkaliber setelah tamat pengajian kelak memandangkan guru yang bijak dalam membina item dapat mengukur pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di dalam kelas.

Justeru, adakah guru pelatih khususnya guru pelatih tahun akhir telah bersedia dan berkemahiran dalam membina item ujian atau peperiksaan?. Apakah tahap pengetahuan membina item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih tahun akhir? Maka, kajian ini dibuat bagi menilai tahap pengetahuan membina item aneka pilihan. Aspek yang dikaji merangkumi pengetahuan bentuk soalan objektif item aneka pilihan, pengetahuan terhadap sifat-sifat ujian (kesahan, kebolehpercayaan, keobjektifan), penggunaan aras kognitif Taksonomi Bloom dan penggunaan Jadual Penentu Ujian (JPU) serta langkah-langkah dalam membina item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih tahun akhir Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (PTK), Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian dirangka sebagai garis panduan atas kajian yang dilakukan. Langkah ini perlu, supaya matlamat kajian yang dirancang dapat dicapai sepenuhnya. Objektif yang digariskan adalah seperti berikut :

- i) Mengenalpasti tahap pengetahuan soalan objektif bentuk aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM.
- ii) Mengenalpasti tahap pengetahuan mengenai sifat-sifat ujian (kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan) dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM.
- iii) Mengenalpasti tahap pengetahuan penggunaan aras kognitif Taksonomi Bloom dan Jadual Penentu Ujian (JPU) dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM.

- iv) Mengenalpasti tahap pengetahuan mengenai langkah-langkah yang digunakan sewaktu membina item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang menjadi asas kepada kajian ini, beberapa persoalan kajian yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- i) Apakah tahap pengetahuan soalan objektif bentuk aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM?
- ii) Apakah tahap pengetahuan mengenai sifat-sifat ujian (kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan) dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM?
- iii) Apakah tahap pengetahuan penggunaan aras kognitif Taksonomi Bloom dan Jadual Penentu Ujian (JPU) dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM?
- iv) Apakah tahap pengetahuan mengenai langkah-langkah yang digunakan sewaktu membina item aneka pilihan dalam kalangan guru pelatih PTK Fakulti Pendidikan, UTM?